

Jalan Masjid India disahkan selamat

Tindakan jangka pendek, panjang dilaksanakan elak kejadian lubang benam berulang

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jalan Masjid India, di sini disahkan selamat untuk semua bentuk aktiviti, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Ketetapan itu, katanya, dibuat selepas mengambil kira pandangan kepakaran secara kolektif pelbagai agensi serta pertubuhan profesional seperti Institusi Jurutera dan

Pertubuhan Geoteknikal.

Beliau berkata, beberapa tindakan segera jangka pendek juga sudah dilaksanakan, antaranya Audit Integriti Aset Utiliti oleh syarikat utiliti di kawasan 'Central Business District', termasuk Jalan Masjid India.

"Pemetaan dan ujian integriti bawah tanah dibuat bagi mengesan kelemahan pada aset lama serta penggunaan teknologi seperti kaedah 'Ground Penetrating Radar (GPR)' dan 'Mackintosh Probe' digunakan untuk menyiasat struktur tanah.

"Ujian geofizik seperti 'Micro Gravity' dan 'Ground Settlement Monitoring' turut digunakan untuk mengesan sebarang pergerakan tanah atau lohong bawah tanah," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan P Pra-bakaran (PH-Batu), Teresa Kok Suh Sim (PH-Seputeh), RSN Rayer

(PH-Jelutong) dan Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang) berkaitan insiden lubang benam di Jalan Masjid India.

Laksana ujian makmal

Dr Zaliha berkata, bagi tindakan jangka panjang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melaksanakan penyiasatan tanah mendalam membabitkan penggunaan teknik 'Deep Boring' serta ujian makmal untuk memastikan struktur tanah stabil.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Sekijang berkata, laporan geoteknikal untuk kawasan dikenal pasti berisiko akan disediakan jurutera bertauliah.

"Mengenai komunikasi awam, DBKL akan terus menggunakan platform media sosial untuk memberi makluman dan keyakinan kepada masyarakat mengenai tahap keselamatan di kawasan Jalan Masjid India," katanya.



Dr Zaliha pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

Mengenai pampasan kepada waris mendiang G Vijaya Lakshmi, beliau berkata, kerajaan melalui DBKL sudah menyumbangkan RM30,000 untuk membantu keluarga mangsa dalam meringankan beban mereka akibat tragedi terbabit.

Selain itu, katanya, waris juga menerima sumbangan bernilai RM10,000 daripada pihak swasta yang bersimpati dengan ia adalah tanggungjawab sosial untuk membantu keluarga mangsa yang trauma atas kehilangan individu tersayang.

Dr Zaliha juga menegaskan kerajaan tidak menghalang sekiranya keluarga mendiang mahu menge-

mukakan tuntutan melalui saluran perundangan terhadap agensi berkaitan.

"Saya memohon Yang Berhormat tidak sekadar melihat jumlah sumbangan RM30,000 daripada DBKL sahaja sebagai nilai nyawa mendiang. Ketika kejadian berlaku, Kerajaan Malaysia sudah mengerahkan seluruh kekuatan anggota dan aset ke kawasan kejadian.

"Dalam tempoh sembilan hari pencarian, sejumlah besar peruntukan juga digunakan bagi tujuan kos harian operasi. Jangan lupa, anggota yang turut bergadai nyawa memasuki ruangan sempit dan berbahaya," katanya.